

PENGARUH NEGATIF KEPADA REMAJA

Standard Pembelajaran

2.4.1 Membaca dan menghayati pelbagai bahan fiksiyen dan bukan fiksiyen untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam pelbagai bidang.

Baca petikan cerpen dan rencana di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan cabaran generasi kini dan cadang

MUNSYI



Minggu-minggu pertama saya berada di kota mewah ini, dapat saya saksikan kerapuhan jiwa anak-anak muda sebangsa saya. Mereka dihanyutkan keseronokan hidup dan memperdagangkan maruah dan peribadi. Saya berasa jelik dan aib menyaksikan adegan sumbang wajah-wajah anak peribumi tanah air ini yang tidak segan silu menjual bahasa ibunda dan merosakkan

agama yang murni. Anak-anak muda lelaki perempuan berpelesiran dalam pergaulan bebas sambil bercakap dalam bahasa yang entah apa-apa. Mereka bergelak tawa dalam loghat yang direka-reka konon untuk menunjukkan kemodenan. Saya jadi keliru dengan setiap patah slanga dan klausa yang tidak saya faham. Ada yang menggunakan pelbagai istilah rojak yang dicampuradukkan dengan bahasa asing yang mengelirukan. Saya jadi buntu. Malah berasa malu dengan sikap dan gelagat anak-anak muda sebangsa saya yang telah hilang identiti

dan jati diri di negara mewah ini.

Hampir beberapa purnama, saya tidak bertemu Munsyi di Perkampungan pinggir kota ini. Suatu hari, saya terhidu perkhabaran tentang rancangan sebuah syarikat perumahan dengan kebenaran pengusaha kota untuk mengambil alih kampung tradisi yang didiami oleh Munsyi serta lebih dua puluh buah rumah yang semuanya diduduki keluarga Melayu. Khabarnya kawasan itu akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang. Penduduk diberikan tempoh beberapa hari untuk mengosongkan premis mereka sebelum dirobohkan. Oleh sebab kesibukan tugas, saya tidak sempat menemui lelaki tua itu.

Dipetik daripada cerpen 'Munsyi' oleh Husna Nazri.

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul Kementerian Pendidikan Malaysia

Cabaran Pewaris Negara

Kini, rakyat Malaysia khususnya anak muda seharusnya sedar bahawa cabaran yang perlu ditempuh negara semakin mencabar dalam pelbagai perkara. Oleh itu, kebergantungan negara terhadap mereka pada hari ini sangat tinggi kerana mereka pewaris dan penjaga negara kelak.

Namun, dalam melahirkan generasi pelapis yang berkualiti, hal ini perlu melalui proses penyediaan yang mantap dan rapi. Perkara paling mustahak yang perlu ada pada pemuda hari ini ialah ilmu. Tanpa ilmu, seseorang mustahil untuk mengorak langkah ke hadapan. Pembudayaan ilmu dilihat begitu penting kerana dapat membina tamadun manusia yang hidup berlandaskan ilmu.

Umumnya, budaya ini lebih dekat untuk dikaitkan dengan anak muda yang berada di pusat pengajian seperti madrasah, kolej atau universiti kerana mereka paling hampir dengan ilmu. Tambahan pula, tenaga muda dan khidmat kepakaran mereka amat diperlukan masyarakat kelak.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Cabaran pewaris negara' oleh Nor Asree Mohd Noh, *Harian Metro*, 11 Februari 2020

LATIHAN 1

Tuliskan kata atau istilah yang terdapat dalam petikan berdasarkan maksud yang diberikan.

- (a) tidak sedap didengar atau dilihat
.....
- (b) bersuka-suka; berseronok-seronok
.....
- (c) bahasa daerah; dialek
.....
- (d) kata yang tidak tergolong dalam bahasa baku
.....
- (e) sifat atau ciri unik dan lambang keperibadian
.....
- (f) bangunan dan kawasan perniagaan
.....
- (g) orang yang mewarisi sesuatu
.....
- (h) kumpulan individu yang lahir pada waktu yang lebih kurang sama
.....
- (i) pemikiran yang tinggi dan kemajuan kebendaan
.....
- (j) tempat belajar secara formal
.....